

27 OCT 2001

Laos-Lawatan

PERDANA MENTERI LAOS LAWAT MALAYSIA MULAI ISNIN

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Republik Demokratik Laos Bounnhang Vorachith akan tiba di sini pada Isnin untuk lawatan tiga hari ke Malaysia.

Beliau akan diiringi oleh isteri Khammeung Voracith, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Luar Somsavat Lengsavad dan [para pegawai kanan daripada pelbagai agensi kerajaan Laos.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, delegasi perdagangan mengandungi 10 anggota juga akan mengiringi Perdana Menteri Laos bagi meninjau peluang-peluang perdagangan dan perniagaan di Malaysia.

Bounnhang dan isteri akan menghadap Pemangku Yang di-Pertuan Agong Sultan Mizan Zainal Abidin semasa lawatan.

Beliau juga akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kedua-dua pemimpin dijangka berbincang dan bertukar-tukar pandangan mengenai cara-cara untuk meningkatkan hubungan dua hala selain membincangkan perkembangan politik-ekonomi di rantau berkenaan, menurut kenyataan itu.

Perdana Menteri Laos dan rombongan dijadual melawat Perbadanan Pembangunan Multimedia, Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Menara Berkembar Petronas dan Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton).

"Lawatan itu bertujuan untuk mempertingkatkan lagi kerjasama dua hala dan ekonomi antara kedua-dua negara," menurut kenyataan itu.

Sehingga Mei 2001, jumlah perdagangan antara kedua-dua negara ialah RM2.5 juta dengan eksport Malaysia berjumlah hingga RM1.96 juta dan import berjumlah RM5 juta.

Malaysia kini merupakan pelabur keempat terbesar di Laos dengan nilai pelaburan berjumlah hingga RM1.05 bilion.

Mesyuarat antara ahli perniagaan dan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Kebangsaan Malaysia juga telah diatur bagi membincangkan bidang-bidang yang berpotensi bagi perdagangan dan pelaburan antara pelabur dan ahli perniagaan Malaysia di Laos.

-- BERNAMA

SR MFJ FAZ